

08/03/1999

Mesyuarat ketiga penasihat MSC Julai

KUALA LUMPUR, Ahad - Multimedia Development Corporation Sdn Bhd (MDC) menetapkan mesyuarat ketiga Panel Penasihat Antarabangsa bagi Koridor Raya Multimedia (IAP MSC) pada 7 hingga 9 Julai ini.

Jurucakap MDC berkata, pihaknya sudah menghantar surat jemputan kepada semua 43 anggota panel itu termasuk seorang ahli baru, iaitu Ketua Eksekutif Cutler & Co, Terry Cutler dari Australia.

"Mesyuarat ketiga ini dijangka mendapat maklum balas baik daripada anggota kerana mereka berminat mengetahui perkembangan lanjut pembangunan MSC," katanya kepada Berita Harian ketika dihubungi di sini.

Mesyuarat itu sepatutnya diadakan bulan lalu, tetapi ditangguhkan kerana pembangunan MSC termasuk Universiti Multimedia, Pusat Inkubator dan Makmal Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) NTT hanya dapat disiapkan sebelum Julai untuk diperlihatkan kepada anggota panel itu.

Mesyuarat ketiga di Cyberjaya itu akan dipengerusikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga pengerusi panel IAP.

Mesyuarat pertama IAP diadakan di Universiti Stanford, Los Angeles, Amerika Syarikat Januari 1997, sementara mesyuarat kedua di Cyberjaya Februari tahun lalu.

IAP MSC adalah panel penasihat yang dibarisi tokoh terkemuka dalam industri teknologi maklumat (IT), telekomunikasi, multimedia. Ia diwujudkan untuk memberi idea kepada kerajaan dalam membangunkan industri terbabit.

Ahli panel itu termasuk Pengerusi Microsoft Corp, Bill Gates; Presiden Intel Corporation, Craig Barret; Penasihat Pusat Kajian Strategik dan Antarabangsa Amerika Syarikat; Diana Lady Dougan; Dr Kenichi Ohmae dari Ohmae & Associates; dan seorang peramal IT, Alvin Toffler.

Menurut jurucakap itu, beberapa program menarik dirancang sempena mesyuarat itu termasuk perasmian bandar raya Cyberjaya, Universiti Multimedia serta Pusat Inkubator dan Makmal Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) NTT.

"MDC mahu mesyuarat ketiga ini menyaksikan beberapa kemajuan dalam MSC sebagaimana dirumuskan pada mesyuarat sebelumnya dan kalau boleh kami mahu mempertontonkannya kepada anggota panel pada Julai ini.

"Ia sekali gus membuktikan komitmen tidak berbelah bahagi kerajaan dan rakyat untuk memastikan kejayaan projek berkenaan, sekalipun sedang dilanda masalah ekonomi," katanya.

Pada mesyuarat berkenaan, panel dijangka membincangkan cara merangkaikan teknologi inkubator sebelum membuat pelaburan bersama, menjalankan kegiatan pemasaran dan perdagangan elektronik di MSC.

Isu mengenai sumber manusia yang dibincangkan pada mesyuarat pertama dan kedua juga akan dibangkitkan semula pada mesyuarat kali ini bagi membolehkan ahli panel melihat sendiri kurikulum dan perjalanan latihan sumber manusia.

(END)